

CNS1781

U GB 21-06 00195 BA448

BAH

Mahathir - Perniagaan

Daripada Abdul Rahman Sulaiman

PELABUR MALAYSIA MULA MEMANDANG KE LUAR

I

Shenzhen, 21 Jun, (Bernama) -- Galakan kerajaan kepada para usahawan Malaysia agar memandang ke luar bagi pelaburan terbalik kini mula menuniukkan hasil, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Katanva, pelaburan-pelaburan Malaysia kini berjaya bertapak di Iran, Papua New Guinea, Kemboja, Vietnam, Thailand, Pasifik Selatan dan negara-negara lain.

Ketika berucap kepada 300 orang usahawan Malaysia dan China di sini, Dr Mahathir yang mengakhiri lawatan rasmi selama 10 harinya ke China berkata, beliau gembira mendapati bahawa sektor swasta Malaysia mula menembusi pembangunan hartanah dan hotel, penapisan minyak sawit, industri perkayuan, pengeluaran tilam berspring, kabel, aloi tembaga, kotak gelugur, barangan getah, makanan ternakan, makanan dan jubin serta banyak barangan lain.

Katanva, walaupun pelaburan-pelaburan ini kecil dalam konteks pelaburan asing terus yang menyeluruh, ia amat bermakna jika dipandang bahawa kedua-dua negara baru sahaja menarik balik larangan perjalanan.

"Baqaimanapun, jumlah lawatan oleh syarikat dan orang ramai telah meningkat dengan cepatnya dan tidak svak lagi ia akan menyumbang kepada menqukuhkan lagi kerjasama ekonomi antara para usahawan kedua-dua negara.

-- Lagi.

▼21/06/20-18MST

U GB 21-06 00190 BA449

BAH

Mahathir - Perniagaan 2 Shenzhen

Beliau menggesa para usahawan Malaysia dan China agar mewujudkan lebih banyak projek usahasama bagi faedah mereka sendiri dan juga bagi faedah kedua-dua buah negara.

Katanya, dengan berbuat demikian, para usahawan Malaysia akan memperolehi faedah daripada sumber-sumber China yang begitu luas, tenaga kerjanya yang berpendidikan, kos pengeluaran yang agak rendah dan pasaran tempatan yang begitu besar.

Para usahawan China pula boleh menggunakan tahap kecekapan pengurusan Malaysia yang tinggi, modal dan pengetahuan yang mendalam dan luas dalam amalan-amalan pasaran bebas.

China tahun lepas mencatat pertumbuhan yang amat mengalakkan sebanyak 12.8 peratus.

Pengeluaran barangan pembuatannya meningkat sebanyak 14.4 peratus dalam tempoh 1980-1991 manakala kadar pertumbuhan barangan pembuatannya tahun lepas ialah sebanyak 20 peratus.

Dr Mahathir berkata, beliau yakin bahawa dengan pengaliran berterusan pelaburan asing terus ke China yang pada tahun lepas sahaja berjumlah AS\$58.600 juta, ia akan terus menikmati faedah daripada pembangunan ekonominya yang pesat sekarang.

Perdana Menteri berkata, adalah menjadi harapan kerajaan mahu melihat agar perdagangan dua hala terus antara kedua-dua negara berkembang dan tidak melalui negara ketiga yang masih lagi ketara. -- Lagi.

▼21/06/20-33MST

U GB 21-06 00067 BA450

BAH

Mahathir - Perniagaan 3 (Akhir) Shenzhen

Perdagangan dua hala antara Malaysia dan China meningkat daripada RM1.647 juta pada 1987 kepada RM4.446 juta tahun lepas dengan import dari China mengatasi eksport Malaysia ke negara itu.

Katanya, eksport keseluruhan Malaysia ke China pada 1992 berjumlah RM1.961 juta yang hanya merupakan 0.94 peratus daripada jumlah keseluruhan importnya. -- Bernama.

ARS KAM.

▼21/06/20-39MST